

## PENDEKATAN MASLAHAH DALAM PEMFATWAAN DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP FATWA TERPILIH

### THE MASLAHAH APPROACH IN RULING AN APPOINT OF ISLAMIC LAW IN MALAYSIA : A STUDY ON SEVERAL FATWAS

Ahmad Akram Mohammad Robbi<sup>i</sup>, Naimah Mohamad Nasir<sup>ii</sup> & Irwan Mohd Subri<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,  
 Universiti Islam Antarabangsa. akramrobbi@gmail.com

<sup>ii</sup> Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,  
 Universiti Islam Antarabangsa. naimah011@gmail.com

<sup>iii</sup> Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) & Profesor Madya, Fakulti  
 Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

#### Article Progress

Received: 15 January 2019

Revised: 25 January 2019

Accepted: 31 January 2019

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Memahami Maqasid Syariah merupakan tuntutan asas bagi setiap mufti. Hal ini kerana mufti bertanggungjawab dalam hal-hal menjelaskan fatwa kepada masyarakat. Bagi menjawab persoalan masyarakat, jawapan yang dikemukakan mestilah selari dengan pendekatan Maqasid Syariah. Antara tuntutan Maqasid Syariah dalam fatwa ialah meraikan maslahah dan mengangkat kesukaran dan kepayahan. Oleh itu, kajian ini menjelaskan hubungan antara mufti dan fatwa-fatwa yang meraikan kemasyarakan sama ada maslahah berbentuk umum atau khusus. Kajian ini menggunakan pendekatan metode kualitatif iaitu dengan menganalisis data-data dan maklumat yang dikumpul dari pelbagai wasilah, antaranya penulisan sarjana silam dan kontemporari, jurnal-jurnal dan laman sesawang. Berdasarkan kajian, penulis mendapati bahawa kaedah maslahah ini merupakan pendekatan yang biasa digunakan sebagai kayu ukur ketepatan fatwa dalam sesuatu</p>	<p>Understanding Maqasid Syariah is a must and basic requirement to whoever appointed to the position of mufti. This condition must be fulfilled in order to explain authoritative legal opinion (fatwa) to community. Thus, those answers given by mufti are required to be in line with the ultimate purpose of Maqasid Syariah which is enganging maslahah and lifting difficulties and hardships. Therefore, this study aimed to delineates interrelationship between mufti and the fatwa's matters that enganging maslahah either it is practiced in person or in general . This paper is qualitative in nature which applies the content analysis through the intense reading of datas which collected previously from various sources such as classical and contemporary text and literature, acedamic writings (journals) and website. In conclusion, findings of this study shows that, as fatwa is committed to accuracy, this principle has been generally used as standard when encounter a rising issue. Based on this study, there are exact purpose that fatwas in Malaysia are to enganging maslahah</p>

isu. Hasil kajian mendapati bahawa fatwa-fatwa di Malaysia sangat jelas tujuannya untuk meraikan maslahah umat Islam di Malaysia. Perkara ini selari dengan tuntutan agama agar tidak memandang enteng terhadap hak-hak individu atau masyarakat untuk meraih kemaslahatan dalam hidup.

**Kata kunci:** Mufti, fatwa, ifta', mengangkat kesukaran, Maslahah

towards people. This is what Shariah concerned about, which is not to take easy on human's right to have benefit in their life.

**Keywords:** Mufti, fatwa, ifta', lifting difficulties, Maslahah

## PENDAHULUAN

Mufti dan fatwa tidak dapat dipisahkan dari mana-mana negara Islam. Hal ini dapat dilihat melalui fungsi badan institusi mufti itu sendiri bertindak sebagai pihak berautoriti yang mengeluarkan fatwa bagi menjelaskan kesamaran hukum-hakam berkaitan agama Islam kepada masyarakat. Dekatnya hubungan antara institusi mufti dan masyarakat menjadikannya tempat tumpuan utama bagi merungkai segala kekeliruan hukum hakam daripada persoalan-persoalan semasa yang timbul.

Lebih-lebih lagi berkembangnya zaman ke arah kemodenan dan kecanggihan, memudahkan lagi urusan masyarakat mendapatkan akses terhadap maklumat berkaitan dengan fatwa secara terus dan langsung. Malah, kesan daripada arus pemodenan ini juga telah membuka lebih luas peluang dan ruang kepada masyarakat untuk mengajukan sebarang persoalan dengan lebih mudah iaitu dengan hanya menggunakan jaringan digital dan media sosial secara atas talian.

Hakikatnya, inisiatif jaringan digital yang dibentuk bertujuan untuk menyokong dan meningkatkan tahap komunikasi ke arah yang lebih baik dan seterusnya dapat membantu masyarakat berinteraksi secara interaktif melalui pelbagai cara seperti blog, wiki, forum, pesanan segera (selain pesanan langsung seperti emel) (Azman Md Zain et al., 2018). Oleh itu, komunikasi antara pihak mufti dan masyarakat menjadi lebih mudah dan berkesan.

Namun begitu, perkembangan zaman ke arah dunia yang lebih moden ini turut memiliki kesan sampingannya. Perubahan zaman arus globalisasi menyaksikan terdapat banyak persoalan yang timbul daripada masyarakat disebabkan kesamaran terhadap hukum ataupun isu-isu tersebut tidak berlaku ketika di zaman Rasulullah SAW. Oleh itu, menjadi kesukaran buat mereka untuk merujuk sumber hukum. Di sini, pihak mufti yang perlu berperanan menjelaskan hukum-hakam yang tidak terdapat dalam nas-nas yang sudah dibukukan. Hal ini demikian kerana, institusi fatwa merupakan salah satu medium terpenting dalam yang memandu kehidupan masyarakat

agar segala tindakan mereka tidak tersasar jauh daripada ajaran Islam sebenar (Solahuddin Abdul Hamid, Kamarudin Ahmad & Mohd Akram Dahaman, 2018).

Meskipun wahyu sudah terputus, isu-isu baharu yang memerlukan fatwa masih timbul bertali arus. Seiring dengan fenomena tersebut, penerangan ahli yang berautoriti turut serta muncul dari masa ke masa bagi memenuhi keperluan itu. Hal ini demikian kerana, perubahan pelbagai sudut kehidupan manusia seiring dengan zaman memberi kesan secara langsung terhadap hukum secara khususnya fatwa dan ulama setiap zaman perlu berijtihad mengikut keadaan dan tempat pada zaman mereka (Al-Qaradawi, 2007).

Justifikasinya, dapat dilihat melalui metodologi para alim ulama' zaman berzaman pada pendekatan fatwa yang mereka lakukan sebagai mufti jelas berpandukan Maqasid Syariah. Oleh itu, para mufti perlu melihat teks-teks agama dalam kaca mata Maqasid Syariah dan mengeluarkan fatwa berpandukan kriteria yang diletakkan oleh Maqasid Syariah, iaitu memberikan maslahah dan menghilangkan mafsadah. Tambahan pula, para mufti juga perlu melihat teks dan konteks, agar tafsiran kepada teks tidak tersasar daripada apa yang dikehendaki oleh syarak dalam pengaplikasiannya. Pendek kata, pemahaman terhadap Maqasid amat kritikal bagi seseorang mufti dalam mengeluarkan fatwa dengan menggabungkan teks-teks yang *qatiyy* dan maksud-maksud yang global (Ghazali, t.th).

Mendatangkan maslahah dan menghilangkan mafsadah adalah impak kepada aplikasi Maqasid Syariah dalam fatwa. Penghasilan impak positif ini perlu kepada penekanan aspek-aspek penting dalam proses-proses penghasilannya antaranya adalah menitik beratkan prinsip *raf'u al-haraj* yang diraikan oleh syarak kepada umat Islam terutama dalam pengeluaran fatwa.

Kebaikan memahami maqasid bukan sahaja terhad kepada individu sahaja iaitu menjadikan seseorang muslim dapat melakukan amal kebaikan dengan sempuran, tepat dan berlapang dada (Ghazali, t.th) bahkan selari dengan konsep agama Islam yang universal itu sendiri iaitu membawa rahmat kepada sekalian alam.

Justeru, untuk mengekalkan kebaikan dalam norma kehidupan masyarakat Islam di Malaysia, menetapi piawaian agama di samping tidak memberi kemudaratkan kepada mereka dengan pendekatan kaedah maslahah perlu diberikan perhatian oleh mufti. Hal ini kerana, pendekatan sederhana (*wasatiyyah*) dan tidak ekstrem atau keras (*ghuluw*) dalam berfatwa mampu menyelamatkan masyarakat daripada stigma agama yang memberatkan. Justeru, artikel ini cuba membincangkan kaedah maslahah dalam fatwa di Malaysia untuk melihat sejauh mana ia di aplikasi.

## INSTITUSI FATWA DAN MUFTI DI MALAYSIA

Fatwa berasal daripada perkataan bahasa Arab *aftā* iaitu bermaksud menerangkan sesuatu kepada seseorang (Ibn Manzur, 1994). Menurut Bin Bayyah (2012) fatwa secara umumnya adalah proses menjawab sesuatu kemusykilan. Selain itu, fatwa boleh juga difahami sebagai penjelasan mengenai hukum syarak yang melibatkan masalah tertentu, sama ada secara nukilan dari pandangan sarjana terdahulu atau ijтиhad daripada mufti tanpa mengikat (Al-Raysuni, 2014).

Mufti merupakan tempat rujukan masyarakat setempat. Mufti juga memainkan peranan yang berbeza. Ada dalam kalangan mufti dikhkususkan pada satu-satu tempat tertentu. Sebagai contoh, di Malaysia, institusi mufti dibahagikan mengikut negeri. Hal ini kerana, selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi negara terus mengekalkan kedudukan Sultan sebagai ketua agama di negeri masing-masing (Mamat, Mohamad & Omar, 2013).

Pelantikan mufti bagi setiap negeri adalah di bawah kuasa sultan atau raja yang memerintah negeri tersebut, sebagai contoh Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 44. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti) memperuntukkan:

*"Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Selangor".*

Manakala fungsi mufti pula sepertimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 45. Fungsi Mufti):

*"Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini".*

Oleh itu, setiap negeri memiliki kuasa khusus dalam urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Urusan fatwa juga menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dalam mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai fatwa di negeri masing-masing.

Di Malaysia fatwa yang dikeluarkan oleh mufti adalah disebabkan oleh persoalan yang datang daripada perintah Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Sultan, kehendaknya sendiri atau permintaan daripada mana-mana pihak secara bertulis kepada mufti (Abd Aziz, 1995). Berbeza dengan negara lain, di Malaysia fatwa yang dikeluarkan secara rasmi melalui warta mempunyai kuasa autoriti perundangan ke atas penduduk Islam negeri berkenaan pada penguatkuasaannya (Ahmad Hidayat Buang, 2002).

Mufti adalah individu yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa, setelah melalui proses istinbat dan kajian secara mendalam terhadap suatu isu atau hukum. Di Malaysia, peranan mufti dikhkususkan sebagai

pihak berkuasa agama di dalam masalah hukum syarak selepas institusi fatwa dipisahkan daripada Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah (Ahmad Hidayat Buang, 2002).

Peranan mufti kepada masyarakat sangat besar. Disebabkan itu, para sarjana Islam menetapkan bahawa fatwa menjadi fardu ain sekiranya di sesuatu tempat hanya terdapat seorang mufti. Hukum fatwa menjadi fardu kifayah sekiranya di sesuatu tempat terdapat lebih daripada seorang mufti (Ibn Hamdan, 2015). Selain itu, Mufti yang dirujuk masyarakat mestilah memenuhi kriteria utama seperti menguasai kefahaman Al-Quran dan Al-Sunnah, memiliki kekuatan Bahasa Arab dan ilmu nasakh dan mansukh (Al-Ghazali, 2012). Masyarakat juga perlu menilai sejauh mana kemampuan seseorang itu menjawab persoalan yang ingin dilontarkan. Sekiranya ingin melontarkan persoalan, maka lontarkan persoalan tersebut kepada individu yang benar kewibawaannya dan menguasai ilmu agama (Ibnu Qayyim, 2016).

Namun di Malaysia, autoriti mengeluarkan fatwa diletakkan di bawah bidang mufti yang dilantik oleh pemerintah di setiap negeri. Oleh itu, setiap masalah atau kekeliruan yang memerlukan fatwa perlu dirujuk kepada mufti setiap negeri. Hal ini kerana, mufti di negeri lebih memahami adat dan budaya masyarakat setempat.

## **PENGERTIAN MAQASID SYARIAH DAN PERANANNYA TERHADAP KEFAHAMAN NAS-NAS AGAMA.**

Setiap fatwa perlu berlandaskan disiplin Maqasid Syariah. Hal ini kerana hanya ijтиhad atau fatwa yang menepati disiplin Maqasid Syariah dapat meraikan dinamika kehidupan masyarakat.

Para sarjana berbeza dalam meletakkan definisi Maqasid Syariah. Definisi Maqasid Syariah perlu difahami melalui dua metode. Metode ulama silam dan metode ulama kontemporari. Bagi sarjana silam, mereka tidak mendefinisikan Maqasid Syariah secara khusus kerana pada ketika itu belum ada pembukuan dan pengistilahan khusus berkaitan Maqasid Syariah, melainkan setelah datangnya al-Shatibi yang telah menulis satu bab khusus mengenai kajian Maqasid Syariah melalui magnum opusnya *al-Muwafaqat* (2006). Secara dasarnya, *al-Muwafaqat* merupakan kitab Usul Fiqah seperti karya-karya lain. Namun al-Shatibi telah melakukan inovasi dengan memasukkan perbincangan Maqasid Syariah secara khusus ke dalam karyanya itu.

Al-Ghazali (2012) tidak meletakkan pengertian khusus terhadap Maqasid Syariah. Beliau melalui magnum opusnya *al-Mustasfa* sekadar menjelaskan fungsi Maqasid Syariah dari aspek menjaga *daruriyyāh khams* iaitu; menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (Al-Ghazali, 2012). Guru kepada al-Ghazali, al-Juwayni juga menggunakan beberapa istilah tertentu seperti *ma‘ani* bagi merujuk kepada makna maqasid (Al-Juwayni, 1997).

Meskipun al-Shatibi merupakan antara sarjana yang awal membincangkan Maqasid Syariah secara khusus dan terperinci, namun beliau bersama metode al-Ghazali pada pendekatannya dalam menjelaskan definisi Maqasid Syariah. al-Shatibi (2006) mengklasifikasikan Maqasid Syariah kepada pembahagian mengikut kelas atau tingkat maslahah seperti *daruriyyat, hajiiyyat* dan *tahsiniyyat*.

Seiring dengan peredaran zaman, para sarjana moden mula memberikan penekanan terhadap Maqasid Syariah dan menjadikan ilmu maqasid ini sebagai satu disiplin khusus. Buktinya, para sarjana kontemporari sudah mula menulis dan meluaskan kajian mengenai Maqasid Syariah ini menerusi pelbagai aspek dan karya sehingga ke hari ini. Rentetan daripada pembukuan satu disiplin khusus ini, maka para sarjana juga mula memberikan definisi yang pelbagai kepada ilmu maqasid. Antaranya Ibnu ḨAshur mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai hikmah dan segala perhatian yang dapat dilihat pada hukum-hakam yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besar (Ibnu Asyur, 2014; Mohd Rumaizuddin Ghazali, t.th).

Alal al-Fasi (2013) pula menyebutkan bahawa Maqasid Syariah merupakan rahsia-rahsia yang syarak letakkan pada setiap hukum. Kemudian, Wahbah al-Zuhayli (2015) telah mencantumkan definisi maqasid yang diberikan oleh Ibnu ᨨAshur dan Alal al-Fasi menjadi satu definisi lain yang lebih komprehensif. Menurut Wahbah al-Zuhayli (2015), Maqasid Syariah merupakan hikmah dan segala perhatian yang dapat dilihat pada hukum-hakam yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besar atau ia adalah rahsia-rahsia yang syarak letakkan pada setiap hukum.

Perbincangan Maqasid Syariah tidak berhenti sekadar pada pembukuan ilmu maqasid secara teoritikal. Malah, perbincangan ini juga mendapat tempat dalam kalangan ahli akademik yang menjalankan kajian terhadap Maqasid Syariah dan aplikasinya terhadap hukum-hakam. Antara yang menulis kajian Maqasid Syariah secara akademik ialah Dr. Muhammad Sa'ad al-Yubi (1998) dengan bukunya berjudul *Maqāsid Shar'iyyah Islamiyyāh wa Ḩalāqatuha bi al-Adillah al-Shar'iyyah* yang merupakan penulisan hasil kajian di peringkat doktor falsafah. Menurut al-Yubi, beliau berpandangan bahawa Maqasid Syariah merupakan makna atau hikmah yang dijaga oleh pembuat syarak sama ada pada pensyariatan secara khusus atau umum bagi memastikan maslahah terhadap makhluk (Al-Yubi, 1998).

Rumusan daripada pelbagai definisi yang telah dinyatakan, Maqasid Syariah boleh dirumuskan sebagai hikmah dan makna yang perlu disingkap oleh pengkaji untuk memperoleh pengetahuan tentang rahsia disebalik pensyariatan hukum baik dari segi hukum *taklifi* dan *wadi'i*. Oleh itu, jelaslah bahawa Islam mengiktiraf masalah dan menidakkann mafsadah kepada

makhluk sekaligus menekankan Maqasid Syariah merupakan hikmah besar yang perlu dijaga dalam menongkah arus perubahan zaman.

## PENGARUH MAQASID SYARIAH DALAM FATWA

Maqasid Syariah merupakan satu piawaian yang diletakkan pada ijtihad agar ijtihad tidak tersasar daripada objektif syariah; mendatangkan kebaikan dan menghilangkan keburukan. Al-Quran dan hadis merupakan sumber utama yang menyeru kepada pengadaptasian Maqasid Syariah dalam kehidupan harian manusia. Adakalanya, perintah kepada pengamalan Maqasid Syariah ini boleh difahami secara jelas melalui teks agama, dan adakalanya Maqasid Syariah perlu difahami melalui proses berfikir dan istinbat. Kesannya, perbincangan Maqasid Syariah ini diklasifikasikan kepada dua; *Maqasid Qat'iyyat* dan *Maqasid Zanniyat* (Mohammad Hashim Kamali, 2017).

Sejajar dengan peredaran zaman, semakin banyak isu-isu baharu yang bersifat kompleks muncul, maka keadaan ini telah mendatangkan kesukaran dan masalah dalam penyediaan fatwa sehingga memaksa untuk menggunakan ijtihad oleh kerana isu yang diketengahkan tidak disebut di dalam kitab dengan nyata dan jelas (Nooh Gadot, 2006).

Di samping itu, zaman moden pada hari ini juga menunjukkan bahawa kaedah *masalih al-mursalah* banyak digunakan bagi menyelesaikan kemelut dan isu-isu baharu dalam perundangan negara ataupun isu-isu yang berlegar dalam perbincangan transaksi kewangan atau hal ehwal keluarga (Al-Qahtani, 2010). Jelas bahawa fenomena yang mencabar ini telah menuntut pengaplikasian Maqasid Syariah secara serius dan perlu diberikan perhatian.

Maka, institusi fatwalah wahana yang terbaik dari segi skop peranan dan tanggungjawabnya yang tersendiri dapat menyelesaikan apa-apa persoalan mengenai hukum syarak serta menjelaskan kekeliruan dan kesamaran sesuatu hukum yang timbul dalam masyarakat ini bagi membolehkan umat Islam mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan lebih sempurna bepaduan fatwa tersebut (Nooh Gadoot, 2006).

Hal ini kerana, fatwa bukan sekadar medium bagi menjelaskan kesamaran masyarakat dalam hukum-hakam agama sahaja, fatwa juga berperanan sebagai medium menyelamatkan masyarakat daripada kejihilan yang membawa mereka kepada mafsadah di dunia dan akhirat. Oleh itu, sangat penting untuk menghubungkan roh Maqasid Syariah ke dalam ijtihad atau fatwa. Timbang tara antara kesan baik dan buruk, implikasi fatwa terhadap masyarakat, meraikan *curf* atau adat setempat agar fatwa yang dikeluarkan tidak mendedahkan masyarakat kepada kebinasaan. Hal ini kerana objektif penetapan syarak adalah untuk memberikan kebaikan di dunia mahupun di akhirat (Al-Shatibi, 2006).

Mustahaknya urusan fatwa dapat dilihat melalui proses pengeluaran fatwa itu sendiri yang memerlukan kepada penelitian yang tinggi dari sudut

pentarjihan maslahah dalam setiap isu yang ditangani. Dalam pada itu, bagi memastikan fatwa itu benar dan berkesan seseorang mufti perlu menilai dan melihat secara menyeluruh kepada maslahah pihak yang bertanya; komuniti atau individu, dan menetapkan kadar *maslahah* pihak tersebut (Al-Bugha, 2006) sebelum memberikan sebarang keputusan.

Selain itu, melalui pendekatan Maqasid Syariah terhadap fatwa ini juga memandu pihak institusi fatwa dalam menginterpretasi nas-nas agama dengan tepat untuk mencapai kehendak agama (Ahcene Lahsasna, 2013). Para sarjana Islam mempunyai tafsiran yang pelbagai terhadap teks-teks agama. Ada dalam kalangan sarjana yang memilih pendekatan tafsiran teks secara literal, dan ada dalam kalangan mereka memilih pendekatan mentafsirkan teks agama secara *maqasidi*. Kefahaman yang sempit terhadap teks agama merupakan jalan kepada kerosakan roh syariat itu sendiri yang bersifat fleksibel dan relevan sepanjang zaman dan di serata tempat (Abdul Bari Awang & Ahmad Akram Mahmad Robbi, 2018).

Implikasi daripada itu, terdapat pandangan yang meletakkan hadis-hadis yang terbit daripada Nabi Muhammad SAW di standard yang sama untuk diamalkan di setiap keadaan baik masa ataupun tempat, sedangkan hadis tersebut hanya menyentuh soal sifat kemanusian Nabi Muhammad SAW (Al-Qaradawi, 1998). Dalam surah an-Nisa' ayat 35, Allah SWT berfirman:

وَإِنْ خَفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنَهُمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَقِّعُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا  
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِمَا حَسِيرًا ٣٥

Maksudnya: "Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (*suami isteri*) maka lantiklah 'hakim' (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan *ikhlas*) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (*suami isteri itu*) berpaket baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya".

Ayat ini menyentuh berkaitan solusi yang syarak berikan kepada suami isteri yang sedang mengalami perselisihan dan krisis rumah tangga. Para sarjana berbeza padangan dalam mentafsirkan dan menentukan makna perkataan 'hakim' yang disebut dalam ayat. Perbezaan dalam memahami maqasid ayat menatijahkan perbezaan hukum yang diputuskan oleh para sarjana. Ulama Malikiyyah berpandangan bahawa "hakim" di sini bermaksud mana-mana orang tengah, dan peranan ini tidak terhad hanya untuk pemerintah (Al-Sabuni, t.th). Manakala menurut Syafi'iyyah perkataan 'hakim' yang disebut dalam ayat bermaksud pemerintah yang berautoriti ke atas suami dan isteri (Al-Sabuni, t.th).

Perbezaan pada tafsiran dan penentuan makna perkataan ini merupakan kesinambungan terhadap pengaruh maqasid dalam memahami

teks agama. Malikiyyah melihat kepada maqasid atau objektif yang hendak disampaikan daripada teks tersebut, iaitu seruan kepada mendamaikan suami isteri yang sedang menghadapi krisis. Oleh itu, peranan mendamaikan suami isteri yang sedang mengalami krisis tidak terhad kepada kuasa pemerintah, bahkan sesiapa sahaja boleh mengambil tugas tersebut selagi mana tugas tersebut mencapai objektif yang disasarkan.

Manakala, Syafi'iyyah mengambil pendekatan mentafsirkan perkataan 'hakim' secara literal iaitu pemerintah atau pihak berautoriti yang ditugaskan oleh pemerintah.

Berdasarkan pemerhatian, pandangan Malikiyyah dalam isu ini lebih kuat berdasarkan dalil dan tafsiran. Hal ini kerana, orang tengah yang dilantik tidak memiliki kuasa untuk memfasakhkan pernikahan, sebaliknya peranan mereka hanyalah untuk memberikan nasihat dan bimbingan. Menurut al-Tabari (2012) Allah SWT memerintahkan agar meletakkan melantik orang tengah ketika sedang berlakunya krisis antara suami dan isteri supaya wakil tersebut berperanan untuk meninjau urusan mereka dan menjadi pihak yang mendamaikan.

## PENGABAIAN MAQASID SYARIAH DALAM FATWA

Kesan pengabaian Maqasid Syariah akan menjadikan sesuatu fatwa atau ijtihad terlihat absolut, kaku serta tidak dinamik mengikut perubahan yang berlaku kepada masyarakat, tempat dan masa. Hal ini kerana, penting untuk difahami bahawa semua nas al-Quran dan hadis tidak berada pada darjah yang sama. Justifikasinya, para ulama terdahulu telah mengklasifikasikan jenis-jenis nas kepada dua darjah iaitu *qat'iyyat* dan *zanniyyat*. Pada skop nas *zanniyyat* atau teks spekulatif inilah merupakan ruangan dan medan besar buat para mujtahid untuk berfikir, melakukan penyelidikan, menganalisa dan melahirkan ijtihad yang pelbagai. Berbeza dengan pendekatan mazhab al-Zahiri yang hanya berpegang pada maqasid yang zahir dinyatakan dalam al-Quran (Ba'dahs, 2017).

Sebagai contoh, hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

"لَا يَبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ، ثُمَّ يَعْتَسِلُ مِنْهُ"

Maksudnya: "Janganlah seseorang daripada kamu membuang air kecilnya ke dalam air yang tenang, kemudian kamu mengambil tersebut untuk mandian kamu" (Muslim, 1999).

Menurut Ibnu Hazm, hadis ini menjelaskan pengharaman untuk kencing ke dalam air yang tenang dan mengambil wuduk daripada sumber tersebut. Namun, jika sekiranya tidak melakukan perbuatan kencing, sebaliknya perbuatan lain seperti air besar, maka hukumnya menjadi harus (Ibnu Hazm, 2003).

Tafsiran ini merupakan tafsiran literal terhadap teks hadis tanpa mengambil kira makna hadis sebenar tersebut. Ibn Hazm berlebihan dalam pegangannya terhadap lafaz hadis dan makna literal yang membawa kepada tafsiran dan pandangan yang ganjil sehingga akal dengan sendirinya mengingkari (Abdul Bari Awang & Ahmad Akram Mahmad Robbi, 2018). Al-Nawawi (2010) menjelaskan bahawa pemahaman mazhab ini merupakan satu keganjilan kerana tidak ada seorang pun yang membezakan maksud perbuatan membuang air kecil atau besar, akan tetapi perbuatan tersebut dibezakan kerana berbeza keadaannya.

Selain itu, dalam permasalahan sertu kulit binatang, para sarjana Islam memutuskan keharusan untuk menggunakan dan mengambil faedah daripada kulit binatang halal dimakan yang disertu. Berbeza pula sekiranya kulit binatang yang disertu itu datang daripada binatang yang haram dimakan. Diriwayatkan daripada Ibn Abbas RA, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"دِبَاعُهَا طَهُورُهَا"

Maksudnya: "Kulit binatang yang disertu, maka telah dikira suci (Abu Daud, no. 4125, 2009).

Menurut Ibn Hazm (2003) hadis ini menjelaskan keharuskan mengambil manfaat daripada kulit binatang yang tidak halal dimakan sekalipun jika kulit itu merupakan kulit khinzir. Hal ini kerana, perintah larangan mengambil faedah daripada haiwan tersebut hanya sabit sekiranya terdapat nas yang memperincikan jenis-jenis kulit haiwan yang tidak boleh diambil faedah (Ibn Hazm, 2003).

Menurut mazhab lain, keharusan mengambil faedah daripada kulit binatang diterhadkan kepada selain kulit khinzir (Al-Khattabi, 1932). Di sisi Syafi'iyyah pula, kulit anjing juga tidak boleh diambil faedah walaupun telah disertu (Al-Khin, Al-Bugha & Al-Sharbaji, 2012). Di sisi mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie mereka melihat kepada maqasid teks hadis tersebut. Pengharaman khinzir telah disebut jelas dalam Al-Quran, maka segala pengharaman itu termasuklah mengambil manfaat daripada haiwan tersebut. Hal ini disebabkan faktor kenajisan menurut mazhab (Lasyin, 2002). Khinzir dikategorikan sebagai najis *mughallazah* atau najis berat yang tidak hilang kenajisannya dengan sertu.

Perkara ini menjelaskan bagaimana Ibnu Hazm memutuskan sesuatu fatwa dengan tanpa melihat kepada makna sebenar teks. Pendekatan berbeza yang digunakan oleh mazhab yang lain ternyata membawa kepada hukum yang berbeza apabila mereka memutuskan bahawa ada pengecualian terhadap jenis haiwan yang dibolehkan untuk mengambil manfaat daripada kulit mereka kerana mereka mengedepankan maqasid yang lebih utama; pengharaman khinzir disebabkan terdapat nas umum yang perlu diutamakan.

Melihat kepada pendekatan sarjana itu sendiri samada yang tidak menerima maqasid atau menerima maqasid seluas-luasnya dalam memahami sesuatu isu, kedua-dua aliran ini memberikan impak kepada natijah istinbat hukum dan fatwa. Teks-teks agama seharusnya tidak diterhadkan pada *dilalah* yang bersifat zahir semata-mata. Hal ini kerana *dilalah* al-Quran tidak terhad pada ayat-ayat bersifat definitif sahaja. Bagi ayat-ayat definitif, kelas bagi ayat ini tidak ada ruang untuk berijtihad (Al-Durayni, 2013).

Namun, berbeza dengan ayat-ayat bersifat spekulatif. Pemutusan wahyu hakikatnya tidak menghalang seseorang mujtahid melakukan ijtihad. Menurut al-Durayni (2013), galakan berijtihad oleh Rasulullah SAW tidak terhad pada isu-isu yang tidak disebutkan dalam mana-mana nas, bahkan galakan ini juga merupakan satu galakan dalam memahami teks-teks agama dan melakukan kajian dan istinbat teks-teks tersebut.

## **MERAIKAN MASLAHAH DALAM PEMBENTUKAN FATWA**

Maslahah atau *istislah* merupakan salah satu dalil yang menjadi sumber kepada mujtahid untuk mengeluarkan sesuatu hukum. Secara teorinya para ulama Usul Fiqah berbeza pandangan dalam berinteraksi dengan maslahah atau *istislah ini*. Penggunaan maslahah atau *istislah* lebih sinonim dengan mazhab Malikiyyah. Tetapi secara praktikalnya, para sarjana secara umumnya menerima pakai maslahah sebagai sumber untuk istinbat hukum. Sebagai contoh, penjenamaan maslahah bagi mazhab Hanafiyyah diletakkan di bawah dalil *istihsan* dan di sisi mazhab Syafiiyyah, maslahah diletakkan di bawah topik *qiyyas* (Al-Bugha, 2013).

Perbincangan maslahah tidak hanya berfokus pada hal-hal yang mendarangkan kebaikan sahaja. Malah, ruang lingkup konsep maslahah ini juga meliputi hal-hal yang menghindari kemudaratan. Oleh itu, konsep maslahah ini dijadikan satu neraca yang ideal dalam mempertimbang antara baik dan buruknya dalam sesuatu keadaan. Hal ini demikian kerana, menurut al-Ghazali (2012), keutamaan maslahah itu bukan sahaja mendarangkan manfaat dan tetapi menolak atau menghindari kemudaratan.

Di samping itu, ruang perbincangan tentang perlaksanaan konsep maslahah terhadap setiap pandangan mujtahid yang dikeluarkan ini juga masih hebat diperbincangkan sejak turun temurun sehingga sekarang. Hal ini sangat kritikal dan menjadi tuntutan untuk memperlihat sifat Syariah Islamiyyah yang sentiasa konsisten dengan kerelevan dan kefleksibelannya. Ironinya, jika tuntuan ini tidak diberikan perhatian, maka agama dilihat seakan-akan tidak praktikal mengikut perubahan zaman dan tempat. Perkara ini secara jelas bertentangan dengan sifat dan nilai agama itu sendiri seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qayyim (2016) bahawa syariat merupakan nilai keadilan dan rahmat Allah SWT kepada makhluk-Nya dan teduhan kepada umat manusia di bumi.

Maka seiring dengan perkembangan dunia era globalisasi, pendekatan Maqasid Syariah perlu lebih giat diketengahkan kerana banyaknya isu-isu baharu yang memerlukan perhatian muncul. Antara sudut yang perlu diutamakan bagi menyelesaikan polemik-polemik semasa adalah dengan meraikan keperluan manusia dan memelihara kemaslahatan mereka (Al-Raysuni, 2012).

Pengamalan konsep maslahah dalam fatwa atau ijtihad para sarjana dapat dilihat menerusi fatwa dan pandangan mereka. Terdapat banyak contoh yang boleh dinyatakan berkaitan pengamalan konsep maslahah ini di dalam fatwa antaranya seperti berikut:

1. Nabi Muhammad SAW melarang untuk menjatuhkan hukuman hudud ketika waktu peperangan (Ibn Qayyim, 2016). Secara hukum asalnya, sekiranya seseorang didapati bersalah atas perbuatan mencuri, maka hukuman potongan tangan akan dikenakan ke atasnya. Namun, melihat kepada maslahah ketika itu, situasi peperangan bukanlah waktu terbaik untuk membincangkan soal hukum jenayah. Hal ini kerana, kebimbangan gerak geri musuh yang akan menguasai tentera Islam ketika itu (Ibn Qayyim, 2016) lebih utama untuk diperhatikan kerana implikasi buruk daripada pengabaianya akan membawa kepada kekalahan tentera Islam.
2. Muawiyah bin Abu Sufyan RA telah melarang Ibnu 'Abbas RA daripada tindakannya memerintahkan agar perkahwinan 'Uqayl bin 'Ali bin Abi Thalib dan Fatimah binti 'Utbah difasakhkan (Al-Tabari, 2012). Muawiyah RA melihat kepada implikasi mafsadah yang akan berlaku sekiranya isu rumah tangga kerabat Nabi Muhammad SAW dijadikan senjata musuh untuk memburukkan nama keluarga Nabi Muhammad SAW. Hal ini disebabkan situasi di zaman pemerintahan Khalifah Uthman RA yang diancam oleh fitnah musuh.
3. Selain itu, Imam Malik telah berfatwa bahawa tidak diwajibkan ke atas ahli zimmah dan majusi untuk mengeluarkan zakat (Shalabi, 2017). Imam Malik berpandangan bahawa zakat itu diperintahkan ke atas orang-orang islam sebagai satu bentuk penyucian harta mereka dan membantu golongan muslim yang termasuk dalam senarai asnaf (Malik, 2013). Menurut Shalabi (2017), fatwa ini terbina di atas maslahah, dan bertepatan dengan apa yang disarankan oleh al-Quran (Shalabi, 2017). Dalam erti kata yang lain, kewajipan zakat dikhkususkan kepada orang-orang Islam adalah kerana ingin menjaga maksud dan pengertian bagi perintah zakat itu sendiri; pertama: proses penyucian harta orang-orang Islam, kedua: menaiktarafkan taraf ekonomi orang-orang Islam.
4. Imam Malik berpandangan bahawa makruh bagi menunaikan puasa enam di bulan Syawal (Al-Khadimi, 2010). Para sarjana memakruhkan

puasa enam di bulan Syawal kerana bimbang akan berlakunya perbuatan bidah (Shalabi, 2017). Hal ini disebabkan oleh kebarangkalian berlakunya salah faham dalam kalangan masyarakat yang menyangka bahawa puasa enam di bulan syawal adalah sambungan daripada puasa Ramadan (Al-Khadimi, 2010).

Justeru itu, berdasarkan contoh-contoh yang dilampirkan menunjukkan kepentingan neraca pertimbangan antara maslahah dan mafsadah dalam mengeluarkan pandangan berbentuk ijtihad atau fatwa. Hal ini juga mencerminkan bahawa agama Islam itu datang untuk memberikan kebaikan kepada manusia dan mengeluarkan mereka dari ruang-ruang hawa nafsu, kesia-siaan dan kerosakan, menuju ke jalan Allah SWT yang lurus dan teguh; jalan yang memberikan mereka kebaikan di dunia dan di akhirat (Al-Khadimi, 2010).

## **APLIKASI KONSEP MASLAHAH DALAM FATWA DI MALAYSIA**

Seperti di negara Islam yang lain, Malaysia juga mempunyai institusi fatwa yang tersendiri. Akan tetapi tidak seperti di negara Timur Tengah, negara Malaysia memperuntukkan bidang kuasa fatwa di bawah kuasa negeri-negeri. Hal ini kerana kuasa hal ehwal Islam adalah di bawah negeri di mana sultan atau raja adalah ketua agama Islam di negeri tersebut.

Mufti merupakan tempat rujukan masyarakat untuk mengajukan sebarang persoalan mengenai hal ehwal agama. Tidak semua persoalan dijawab oleh mufti dibawa kepada perbincangan secara rasmi. Hari ini, institusi fatwa digasak dengan persoalan yang tidak terhad pada isu-isu ibadah sahaja, bahkan persoalan yang menyentuh ilmu-ilmu astronomi, fizik, biologi serta pembangunan sains dan teknologi juga diajukan kepada mufti sebagai tempat rujukan.

Oleh itu, hasil fatwa terdahulu yang merupakan hasil perbendaharaan yang amat bernilai perlu kepada penilaian kembali dengan mengambil kira segala bidang keilmuan yang tidak terbatas kepada bidang agama sahaja, bahkan melibatkan bidang sains dan teknologi khususnya disiplin biologi, kimia, fizik, matematik dan lain-lain. Termasuk juga nilai intelektual (seperti nilai-nilai psikologi, sejarah, politik, idealogi dan lain-lain) serta realiti hidup masyarakat sama ada dalam masalah sosio-ekonomi, kebudayaan, interaksi sosial dan sebagainya. Perkara, Ini penting bagi menentukan hukum fatwa berdasarkan pada pandangan dan perspektif semasa (Alias Azhar, Muhammad Azam Hussain, Mohamad Zakhiri Md. Nor, Mohamad Khairi Othman, 2017).

Konsep maslahah ini bukanlah sesuatu yang asing bagi pihak institusi fatwa. Hal ini kerana, setiap mufti pasti melihat pertimbangan baik dan buruk sebelum fatwa dikeluarkan. Antara contoh adaptasi konsep masalah dalam pengamalan fatwa di Malaysia:

## Pelaburan Perbadanan Nasional Berhad Dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Pada 15 Mei 2017, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah memutuskan bahawa hukum pelaburan Perbadanan Nasional Berhad dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rejab 1438H telah memutuskan bahawa hukum pelaburan Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus.

Keputusan ini selari dengan keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang kali ke-80 pada 1-3 Februari 2008.

Melalui keputusan ini, beberapa keterangan yang boleh diambil perhatian:

**Pertama:** *Hifz al-mal* merupakan salah satu masalah *daruriyyah* yang perlu diberi perhatian serius oleh pemerintah. Soal kekuahan ekonomi umat adalah merupakan salah satu faktor penting kepada penerusan kemajuan umat Islam. Islam menegah umatnya menjerumuskan diri dalam kemudharatan dan kefakiran yang boleh menggugat kekuatan ummah.

**Kedua:** Setiap hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, maslahah dan menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar. Dalam hal ini, Maybank ialah satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik. Sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, maka akan menyebabkan keruntuhan ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan ia juga akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam juga akan turut terjejas.

**Ketiga:** Dalam menentukan hujah keharusan Islam dalam pelaburan ASN dan ASB ini, adalah tidak tepat sekiranya hujah bersandarkan maslahah ummah ditafsirkan sebagai mengenepikan prinsip-prinsip Islam kerana maslahah juga adalah prinsip Islam yang perlu dipegang dalam penentuan sesuatu hukum.

**Keempat:** Prinsip pensyariatan Islam yang telah digariskan iaitu kewajipan menjaga lima (5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, zuriat dan keturunan serta harta benda perlu dipertahankan kerana ia menjadi tunjang kehidupan seluruh umat Islam. Sekiranya terjejas salah satu daripada perkara ini, maka umat Islam akan ditimpa kehinaan yang akan menjaskan agama dan

kehidupan mereka. Dalam hal ini, hukum ke atas pelaburan ASN dan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambil kira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama dan umat Islam.

**Kelima:** Dalam isu pelaburan yang bercampur antara halal dan haram, telah jelas bahawa PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Percampuran hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana 70% pelaburan menepati syariah, hanya 30% sahaja pelaburan dalam Maybank yang dianggap masih tidak bertepatan dengan syariah. Dalam keadaan ini, pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut sebahagian besar fuqaha iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dan haram adalah berasas. Ini kerana fuqaha muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian ketika menilai status syarikat yang dikongsi oleh orang Islam dan bukan Islam.

**Keenam:** PNB telah melaksanakan perubahan yang terbaik khususnya dalam aspek pelaburan bagi membolehkan penguasaan umat Islam. Dalam hal ini, maslahah umat Islam adalah penting dan kemudaran yang lebih besar perlu dielakkan.

Keputusan ini selari dengan konsep maslahah agama dalam meraikan usaha menjaga ekonomi masyarakat Islam dan menggalakkan percambahan positif ekonomi mereka agar pembangunan ekonomi masyarakat Islam tidak ketinggalan seiring dengan cabaran krisis ekonomi dunia hari ini.

### **Menjamakkan Solat Tanpa Qasar Kepada Mangsa Banjir**

Pada 20-21 Oktober, 2017, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah memutuskan bahawa masyarakat Islam diharuskan untuk menjamakkan solat tanpa qasar kepada bangsa banjir. Oleh itu, masyarakat Islam dibolehkan untuk solat Zohor beserta Asar dalam satu waktu, dan solat Maghrib dan Isyak dalam satu waktu.

Keputusan ini mengambil kira situasi masyarakat yang ditimpa musibah yang menyebabkan kesukaran untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Oleh itu, agama memberikan kelonggaran kepada masyarakat yang ingin menunaikan solat jemaah di masjid atau surau untuk menjamakkan solat mereka.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis juga telah memberikan garis panduan kepada masyarakat untuk menunaikan solat secara berjemaah. Pelaksanaan solat jamak tersebut dilakukan di tempat dilaksanakan solat jemaah bagi kawasan bencana yang terbabit khususnya

masjid. Jamak tersebut hendaklah diutamakan dalam waktu yang pertama (jamak taqdim).

Ini kerana tujuan keizinan jamak di masjid bagi mengelak mashaqqah mereka yang akan hadir menunaikan solat berjemaah di masjid. Secara tidak langsung, hal ini adalah bagi meraikan maslahah ke atas individu atau masyarakat, iaitu dengan menjaga hak individu atau masyarakat untuk melaksanakan tuntutan solat berjemaah sesuai dengan keadaan yang mereka hadapi.

Sementara diutamakan jamak taqdim seperti yang ditegaskan oleh sebahagian fuqaha kerana kemungkinan keadaan bencana itu tamat sebelum masuk waktu yang berikutnya. Namun jika keadaan mendesak untuk solat jamaah itu dilaksanakan pada waktu yang kedua, maka boleh dilakukan jamak ta'khir. Sesiapa yang telah solat jamak berjemaah di masjid atas sebab bencana, maka dia tidak perlu lagi mengulangi solatnya sekalipun bencana telah tamat.

### **Pernikahan Menggunakan Khidmat Wali Am Dari Selatan Thailand**

Pada 1 Januari 2004, Pejabat Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan telah mewartakan fatwa bahawa pernikahan yang dilangsungkan dengan menggunakan khidmat Wali Am dari Selatan Thailand, maka pernikahan tersebut dianggap tidak sah.

Perkahwinan luar dari Malaysia adalah salah satu bukti bahawa tidak ada dasar penghormatan terhadap institusi agama di Malaysia. Hal ini kerana urusan perkahwinan masyarakat Islam telah diletakkan di bawah kuasa Pejabat Agama yang telah diperkenankan oleh ulul amri atau pemerintah yang sah.

Pernikahan yang menggunakan khidmat Wali Am dari Selatan Thailand secara terang-terangan bercanggah dengan perintah Al-Quran supaya mentaati pemerintah selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip agama dan bertentangan dari segi undang-undang negara.

Maka, dengan sebab itu, atas dasar tuntutan Maqasid Syariah yang mengangkat maf sadah demi meraikan maslahah masyarakat, pernikahan yang menggunakan khidmat Wali Am dari Selatan Thailand dihukum tidak sah.

Perkara ini bertujuan bagi menutup pintu agar masyarakat Islam tidak mengambil jalan mudah dalam urusan pernikahan, sekali gus menutup ruang bagi pihak yang sepatutnya bertanggungjawab sebagai ketua keluarga daripada melepaskan tanggungjawab mereka.

Justeru itu, urusan pernikahan yang tidak melalui prosedur yang sah merupakan salah satu bentuk helah dalam agama. Walhal, penafian helah terhadap agama yang disebutkan dalam nas, ijmak atau ijтиhad adalah dalil

kepada asas sandaran dalil *Sadd Al-Zara'i* yang diraikan syarak (Al-Khadimi, 2010).

### **Menggabungkan Puasa Qada Dan Puasa Sunat Enam Syawal**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang Bil. 4/2018 yang bersidang pada 29-30 April 2018 telah memutuskan bahawa menggabungkan puasa qada dan puasa sunat enam syawal adalah diharuskan.

Fatwa ini terbina atas dasar konsep maslahah yang meraikan kepelbagaian keadaan masyarakat Islam. Hal ini demi menggalakkan masyarakat Islam dapat menyempurnakan kedua-dua amalan puasa yang dituntut.

Namun, sekiranya individu tersebut mampu untuk menyempurnakan kedua-dua puasa secara berasingan, perkara tersebut juga diharuskan. Hal ini kerana hukum taklifi yang bersifat harus tidak mengikat ahli mukallaf untuk laksanakannya sebagai satu tuntutan bersifat *qat'ie*.

### **Bayaran Zakat Fitrah Melalui System Pesanan Ringkas (SMS)**

Pada 29 September 2011, Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah memutuskan perkhidmatan bayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) adalah dibenarkan.

Perlaksanaan bayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas ini juga telah digunakan oleh pihak Lembaga Zakat Selangor melalui kempen bayaran zakat fitrah dengan kerjasama syarikat telko Digi (Guna SMS Untuk Membayar Zakat, 2011).

Perkara ini adalah bagi memudahkan urusan masyarakat Islam untuk melaksanakan tuntutan agama tanpa perlu merujuk kepada kaunter pembayaran zakat. Hal ini bertepatan dengan konsep maslahah yang meraikan kepelbagaian dan dinamik kehidupan masyarakat hari ini. Dengan kesibukan menguruskan kehidupan harian dan tuntutan tugas, maka inisiatif ini membantu umat Islam menunaikan kewajipan di bulan Ramadan. Inisiatif yang disediakan oleh pihak Pusat Zakat perlu dijadikan contoh kerana usaha ini melambangkan kepada pengamalan konsep maslahah yang meraikan wasilah yang tidak bercanggah dengan syarak. Seperti yang dinukilkhan daripada al-Shatibi bahawa wasilah mempengaruhi hukum maqasid (Al-Raysuni, 2015).

Oleh itu, Maqasid Syariah merupakan satu tuntutan penting sebagai medium untuk mengetahui hukum-hakam baru selari dengan perkembangan zaman dan situasi tersebut (Al-Khadimi, 2010). Ungkapan al-Khadimi menjelaskan berkaitan bagaimana Maqasid Syariah itu mampu mempengaruhi hukum-hakam yang telah melalui proses istinbat.

## KESIMPULAN

Fatwa-fatwa yang diambil dan dianalisis dalam kajian ini bukanlah gambaran kepada keseluruhan institusi Fatwa yang ada di Malaysia, namun melalui contoh-contoh ini boleh untuk dikatakan bahawa pihak Institusi Fatwa di Malaysia sangat menitikberatkan soal neraca pertimbangan maslahah dan mafsadah kepada umat Islam. Kita boleh menilai betapa komitednya pihak Institusi Fatwa di Malaysia meraikan keadaan semasa masyarakat dan perubahan gaya hidup dengan mewartakan fatwa yang tidak membebankan penganut agama Islam untuk memanifestasikan fatwa-fatwa yang telah diwartakan, bahkan ada sebahagian daripada fatwa ini memelihara umat Islam daripada tergelincir ke lembah dosa dan maksiat.

Kesimpulannya, pihak yang berautoriti dalam mengendalik urusan fatwa dan adat isitiadat masyarakat setempat seharusnya terus komited dalam memastikan fatwa-fatwa yang akan diwar-warkan selari dengan tuntutan agama yang meraikan maslahah dan mengangkat mafsadah umat Islam, sejajar dengan roh Maqasid Syariah yang memastikan agama terus kompeten dan sesuai diamalkan di setiap tempat dan waktu, khususnya pada era dunia moden dan serba canggih yang menuntut kepada fatwa-fatwa baru daripada para sarjana dan ilmuan semasa.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Che Yacob. (1995). *Perlantikan Mufti dan Institusi Fatwa di Wilayah Persekutuan: Satu Penilaian*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.,
- Abdul Bari Awang & Ahmad Akram Muhammad Robbi. (2018). *Maqasid as-Sunnah an-Nabawiyyah Ghair at-Tasyri'iyyah*. At-Tajdid Journal. Jilid 22, Bil. 44. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abu Dawud, Sulayman bin Ash'ath. (2009). *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Dar al-Salam.
- Ahmad Hidayat Buang. (2002). *Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia*. Jurnal Syariah, 10:1, (2002).
- Ahsene Lahsasna. (2013). *Maqasid Syariah in Islamic Finance*. IBFIM, Kuala Lumpur.
- Alias Azhar ,Muhammad Azam Hussain, Mohamad Zakhiri Md. Nor, Mohamad Khairi Othman. (2017). *Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid al-Syariah: Satu Tinjauan*. Jurnal Ulum Islamiyyah, Vol 2, 20 (April) 2017. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azman Md Zain et al. (2018). *Penggunaan Media Sosial Dalam Penyebaran Maklumat Media Sosial*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor.
- Ba'dahs, Abu Bakar (2017). *Athar al-Ikhtilaf fi at-Ta'lil fi al-Fiqh al-Islami*. Mansoura Dar al-Kalimah.

- Baqa'i<sup>c</sup>, <sup>c</sup>Ali Nayif. (2009). *Al-Ijtihad fi 'Ilm al-Hadith wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Bin Bayah, <sup>c</sup>Abdullah. (2012). *Sina<sup>c</sup>ah al-Fatwa wa Fiqh al-Aqalliyat*. Maghribi: Markaz al-Dirasat wa al-Abhath wa Ihya' al-Turath.
- Al-Bugha, Mustafa Dib. (2013). *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Durayni, Fathi. (2013). *Al-Manahij al-Usuliyyah fi al-Ijtihad bi al-Ra'y fi al-Tasyri<sup>c</sup> al-Islami*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Fasi, <sup>c</sup>Alal. (2013). *Maqasid as-Syariah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi. (2012). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: al-Risalah al-<sup>c</sup>Alamiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim bin <sup>c</sup>Ali. (1994). *Lisan al-<sup>c</sup>Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibnu <sup>c</sup>Ashur, Muhammad bin Tahir. (2013). *Maqasid al-Shari<sup>c</sup>iyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibnu Hamdan, Najmuddin Ahmad bin Hamdan al-Harrani. (2015). *Sifat al-Mufti wa al-Mustafti*. Riyad: Dar al-Sumay'i Li al-Nashr wa al-Tawzi<sup>c</sup>.
- Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. (2003). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Ibnu Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub. (2016). *I'lam al-Muaqqi'in 'an Rabb al-<sup>c</sup>Alamin*. Mekah al-Mukarramah: Dar <sup>c</sup>Ilm al-Fawa'id.
- Al-Juwayni, Abu Ma'ali Abdul Malik bin Abdullah. (1997). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Al-Khadimi. Nur al-Din Mukhtar. (2010). *Al-Ijtihad al-Maqasidi*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Khattabi, Abu Sulaiman Hammad bin Muhammad bin Ibrahim. (1932). *Ma<sup>c</sup>alim as-Sunan*. Aleppo: Al-Matba<sup>c</sup>ah al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa Dib & Al-Sharbaji, <sup>c</sup>Ali. (2012). *al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Malik bin Anas. (2013). *Al-Muwatta'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun.
- Mohamad Hashim Kamali. (2017). *Shariah Law: Questions and Answers*. London: One World Publication.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (T.th). *Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Berfatwa Di Malaysia*. Jurnal Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa. Nilai: INFAD, USIM.
- Muslim bin Hajjaj. (1999). *Sahih Muslim*. Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (2010). *al-Majmu<sup>c</sup> Sharh al-Muhadhdhab*. Kaherah: Dar al-Hadith.

- Nooh Gadoot. (2006). *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Dalam "Pengurusan Fatwa di Malaysia". Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), USIM.
- Al-Qahtani, Musfir bin 'Ali al-Qahtani. (2010). *Manhaj Istinbat Ahkam an-Nawazil al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2008). *Dirasat fi Fiqh Maqasid Syariah*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2013). *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusof. (2007). *Mujibat Taghyir Al-Fatwa*. Saint Denis: Maktab Lajnah Al-Ta'lif wa Al-Tarjamah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1998). *Al-Sunnah Masdar li Ma'rifah wa al-Hadarah*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Al-Raysuni, Ahmad. (2015). *Nazariyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Al-Raysuni, Qutb. (2012). *Sina'ah al-Fatwa fi al-Qadaya al-Mu'asirah*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Al-Sabuni, 'Ali. (t.th). *Rawa'i' al-Bayan Tafsir al-Ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. T.tp: T.pt.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Gharnati. (2006). *Al-Muawafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Shalabi, Muhammad bin Mustafa. (2017). *Ta'lil al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Solahuddin Abdul Hamid, Kamarudin Ahmad & Mohd Akram Dahaman. (2018). *Kedinamikan Penyampaian Fatwa Negeri-Negeri di Malaysia: Penilaian Adaptasi Berdasarkan "Kirkpractick Model of Evaluation"*. Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jaafar. (2012). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ayat al-Qur'an*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Yubi, Muhammad Sa'ad. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqatuha bi al-Adillah al-Shari'iyah*.
- Al-Zuhayli. Wahbah. (2015). *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad & Hydzulkifli Hashim Omar. (2013). *Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009*. IJMS, 20 (2), (144-146).

### Rujukan Laman Sesawang (WEB)

- Fatwa Pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB).  
<http://www.muftiselangor.gov.my> (Diakses pada 21 Januari 2019).
- Menggabungkan Puasa Qada Dengan Puasa Enam Syawal.  
<http://efatwa.penang.gov.my> (Diakses pada 22 Januari 2019).

Keharusan Membayar Zakat Fitrah Melalui SMS Yang Dikendalikan Oleh Syarikat Yang Dilantik oleh Majlis. <http://www.muftimelaka.gov.my> (Diakses pada 22 Januari 2019).

Keputusan Solat Jamak Solat Di Masjid Kerana Bencana. <https://www.perlis.gov.my> (Diakses pada 21 Januari 2019).

Perkahwinan Orang Islam Dengan Menggunakan Wali Am Dari Selatan Thailand. <http://efatwa.muftiwp.gov.my> (Diakses pada 22 Januari 2019).

Pelaburan Dalam ASN/ASB Dan Seumpamanya. <http://e-muamalat.islam.gov.my> (Diakses pada 21 Januari 2019).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*